



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

JABATAN LAUT MALAYSIA
MALAYSIA MARINE DEPARTMENT

MSN 06/2023

Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang
Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : kpgr@marine.gov.my
Webpage : <http://www.marine.gov.my>

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritime.

Notice to shipowners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry

PELANTIKAN ORGANISASI YANG DIIKTIRAF DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGESAHKAN PEMATUHAN TERHADAP KOD ISM DAN MENGELUARKAN DOKUMEN PEMATUHAN (DOC)

DELEGATION OF THE RESPONSIBILITIES TO RECOGNIZED ORGANISATIONS FOR VERIFYING COMPLIANCE WITH THE ISM CODE AND ISSUING DOCUMENTS OF COMPLIANCE (DOC)

Tujuan

1. Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada komuniti perkapalan berkenaan arahan dan keperluan untuk pematuhan kepada Kod *International Safety Management (ISM)*

Purpose

1. *This Notice is to inform the shipping community the instructions and requirements for compliance with the International Safety Management (ISM) Code.*

Pelantikan

2. Mulai **1 Mei 2023**, Syarikat Pengurus Kapal yang mempunyai tempat perniagaan utama di LUAR MALAYSIA boleh berhubung dengan mana-mana Organisasi yang Diiktiraf (RO) yang diluluskan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM), untuk menyemakan manual sistem pengurusan keselamatan (SMS) dan pensijilan Dokumen Kepatuhan (DOC)

Authorization

2. *From 1 May 2023, Ship Management Company having its principle place of business OUTSIDE MALAYSIA may engage with any Recognized Organization (RO) authorizes by Malaysia Marine Department (MMD) for review the Safety Management System (SMS) manual and issuance of Documents of Compliance (DOC).*

Syarikat Yang Mengendalikan Kapal Pelbagai Kelasifikasi

3. Bagi syarikat yang menguruskan lebih daripada satu (1) kapal dengan RO yang berbeza, salah

Company Operating Multi-Classifications Fleet

3. *For a company operating more than one (1) vessel with different RO, a single RO may, if*

satu RO boleh, jika diminta oleh syarikat, bertindak sebagai penilai tunggal dalam melaksanakan pengesahan manual SMS dan pengeluaran DOC.

requested by the company, act as sole assessor in performing the verification of the SMS manual and issuance of the DOC.

Syarikat-syarikat yang Mengendalikan Kapal Pelbagai Negara Bendera

4. JLM tiada halangan untuk syarikat-syarikat menguruskan kapal-kapal pelbagai Bendera Negara dengan syarat syarikat tersebut perlu mematuhi Pekeliling IMO MSC/Circ.762, (Panduan kepada Syarikat-syarikat yang Mengendalikan Kapal Pelbagai Bendera)

Companies Operating Multi-Flagged Fleets

4. *MMD has no objection to the company operating Multi-Flag Fleets with condition that the company shall follow guidelines as specified in IMO Circulars MSC/Circ.762, (Guidance to Companies Operating Multi-Flagged Fleets).*

Verifikasi Berkala

5. DOC Interim

Sijil Interim yang dikeluarkan oleh JLM akan kekal sah sehingga tarikh luput. RO boleh mengeluarkan lanjutan DOC Interim untuk tempoh keseluruhan yang tidak melebihi 12 bulan tertakluk kepada kelulusan JLM.

DOC Jangka Penuh

Sijil yang dikeluarkan oleh JLM akan kekal sah tetapi tidak lewat daripada pengesahan tahunan atau pembaharuan berikutnya, yang mana terdahulu. Untuk verifikasi tahunan, RO akan mengeluarkan semula DOC untuk tempoh tidak boleh melebihi sijil DOC sebelumnya dan tertakluk kepada verifikasi tahunan oleh RO dalam tempoh tiga bulan sebelum atau selepas tarikh ulangtahun.

Periodical Verification

5. Interim DOC

Interim Certificate issued by the MMD will remain valid until to the expiry date. RO may issue an extension of the Interim DOC for a total period which should not exceed than 12 months subject to approval by MMD.

Full-Term DOC

Certificate issued by the MMD will remain valid but not later than next annual or renewal verification, whichever comes first. For an annual verification, the RO will re-issue DOC for a period which should not exceed than the previous DOC certificate and subject to annual verification by the RO within three months before or after the anniversary date.

Penarikan Sijil DOC

6. DOC boleh ditarik balik oleh JLM atau RO yang mengeluarkan dokumen jika berpuas hati bahawa:-
 - i) terdapat pelanggaran mana-mana syarat sijil DOC, atau

Withdrawn DOC Certificate

6. *The DOC may be withdrawn by the MMD or RO which issued the document if satisfied that :-*
 - i) *there has been a breach of any conditions of the DOC certificate, or*

ii) terdapat bukti ketidakpatuhan major telah diperolehi.

ii) there has been an evidence of major non-conformities has been issued.

Pengeluaran atau Pengembalian Semula

7. Pengeluaran atau pengembalian semula sijil DOC dan/atau SMC, yang telah ditahan atau ditarik balik akibat ketidakpatuhan major hanya akan diberikan selepas RO menjalankan verifikasi melalui audit tambahan dan mengesahkan kepada JLM bahawa RO berpuashati dengan penutupan pada semua ketidakpatuhan yang ada.

Issuance or Reinstatement

7. *Issuance or reinstatement of the DOC and/or SMCs, which have been withheld or withdrawn as the result of major non-conformities shall only occur after the RO verify by additional audit and confirms to the MMD that there has been closure to the satisfaction of the RO on all outstanding non-conformities.*

Pemakluman

8. Syarikat hendaklah memaklumkan kepada JLM melalui e-mel kepada ism@marine.gov.my bagi setiap pengeluaran, pengembalian atau pernarikan sijil DOC.

Notification

8. *Company shall notify MMD by email to ism@marine.gov.my for every issuance, reinstatement or withdrawal the DOC certificate.*

Verifikasi Pematuhan

9. JLM boleh menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) Verifikasi Pematuhan dalam tempoh sah Sijil DOC Full-Term untuk memastikan bahawa sistem pengurusan keselamatan syarikat yang bertanggungjawab untuk mengoperasikan kapal-kapal, sistem pengurusan keselamatan untuk kapal dan kapal-kapal yang diuruskan oleh syarikat, mematuhi kepada Kod ISM.

Verification of Compliance

9. *MMD may carry out at least one (1) verification of Compliance within the period of validity Full-Term DOC certificate to assure that the safety management system of a company responsible for the operation of ships, the safety management system for the ship and ships controlled by the company, complies with the ISM Code.*

Verifikasi boleh dijalankan secara berasingan atau bersama-sama dengan RO semasa pengesahan tahunan atau pembaharuan.

Verification may carry out independently or in conjunction with the RO during annual or renewal verification.

Walau bagaimanapun, jika kapal-kapal yang diuruskan oleh syarikat ditahan semasa Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan (PSC), JLM akan menjalankan Audit Tambahan keatas syarikat dan Pemeriksaan Kawalan Negara Bendera (FSC) diatas kapal untuk mengesahkan keberkesanan sistem pengurusan keselamatan.

Notwithstanding, if ships operated by company has been detained during Port State Control (PSC) Inspection, MMD will carry out Additional Company Audit and Flag State Control (FSC) Inspection onboard to verify the effectiveness of the safety management system.

Permohonan Perlanjutan

10. Kesemua permohonan perlanjutan, DPA hendaklah kemukakan Borang (MSN 09/2019) kepada JLM melalui e-mel ke ism@marine.gov.my terlebih dahulu bersama dengan dokumen sokongan.

Sebarang pertanyaan berkenaan Notis ini boleh diajukan kepada :

Pengarah
Bahagian Kawalan Industri Maritim,
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia
Peti Surat 12 Jalan Limbungan
42007 Pelabuhan Kelang, Malaysia

Ketua Pengarah Laut
Tarikh : 7 April 2023

Extension Application

10. Any requests for an extension, the DPA must submit the Form (MSN 09/2019) including supporting document(s) to MMD by email to ism@marine.gov.my

Inquiries concerning the subject of this notice should be directed to:

Director
Maritime Industrial Control Division,
Malaysia Marine Department, HQ
P.O Box 12, Jalan Limbungan
42007 Port Klang, Malaysia

Director General of Marine
Date : 7th April 2023